



INTERNATIONAL JOURNAL OF  
EDUCATION, PSYCHOLOGY  
AND COUNSELLING  
(IJEPC)

[www.ijepe.com](http://www.ijepe.com)



PERANAN SISTEM SOKONGAN KOMUNITI, PENDIDIKAN DAN  
INDUSTRI TERHADAP OKU PENGLIHATAN DI MALAYSIA

*THE ROLE OF COMMUNITY, EDUCATION AND INDUSTRY SUPPORT  
TOWARDS THE VISUALLY-IMPAIRED IN MALAYSIA*

Mohd Izzuddin Mohd Pisol<sup>1\*</sup>, Hazlin Falina Rosli<sup>2</sup>, Zetty Nurzuliana Rashed<sup>3</sup>, Zur'ain Harun Azmi<sup>4</sup>,  
Azwan Mohammad Azmi<sup>5</sup>, Norhisham Muhammad<sup>6</sup>

<sup>1</sup> Fakulti Pendidikan, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, Malaysia  
Email: mohdizzuddin@kuis.edu.my

<sup>2</sup> Fakulti Pendidikan, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, Malaysia  
Email: hazlinfalina@kuis.edu.my

<sup>3</sup> Fakulti Pendidikan, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, Malaysia  
Email: zetty@kuis.edu.my

<sup>4</sup> Fakulti Pengurusan dan Muamalah, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, Malaysia  
Email: zurain@kuis.edu.my

<sup>5</sup> Fakulti Pendidikan, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, Malaysia  
Email: 21mt15001@student.kuis.edu.my

<sup>6</sup> Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia  
Email: nhisham@fsk.upsi.edu.my

\* Correspondent Author

**Article Info:**

**Article history:**

Received date: 17.01.2022

Revised date: 24.01.2022

Accepted date: 16.02.2022

Published date: 15.03.2022

**To cite this document:**

Pisol, M. I. M., Rosli, H. F., Rashed, Z. N., Azmi, Z. H., Azmi, A. M., & Muhammad, N. (2022). Peranan Sistem Sokongan Komuniti, Pendidikan dan Industri Terhadap OKU Penglihatan di Malaysia. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 7 (45), 320-327.

**Abstrak:**

Islam melihat kedudukan manusia itu sebagai umat yang mulia tanpa perlu wujud perbezaan berdasarkan kepada kecantikan rupa paras dan fizikal, ataupun kelebihan pangkat dan kedudukan, harta mahupun keturunan. Dalam konteks kajian ini, Orang Kurang Upaya (OKU) secara mudahnya dapat kita fahami ialah manusia yang tidak sempurna tubuh badan mereka dan cacat anggota. Namun begitu, mereka juga merupakan sebahagian daripada anggota masyarakat yang mempunyai perasaan, kebolehan, keterampilan, bakat dan kepintaran dalam pelbagai bidang seperti manusia tipikal yang lain. Justeru itu, kertas kerja ini membincangkan berkaitan peranan sistem sokongan komuniti dalam membantu OKU Penglihatan dari pelbagai aspek terutama ruang lingkup pendidikan. Selain itu, kertas konsep ini juga turut memfokuskan peranan yang bakal dimainkan oleh komuniti, institusi pendidikan dan industri dalam memberikan sokongan kepada golongan ini terutama OKU penglihatan serta keperluan yang diinginkan oleh mereka. Implikasi kajian ini diharapkan dapat memberikan input serta gambaran yang jelas tentang peranan yang harus

DOI: 10.35631/IJEPC.745025

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)

dimainkan oleh komuniti masyarakat dalam memberi sokongan terhadap keberlangsungan pendidikan golongan OKU ini.

**Kata Kunci:**

Sistem Sokongan, Komuniti, OKU Penglihatan, Pendidikan

**Abstract:**

Islam honorable mankind regardless of physical attribute, class, position, wealth, and descendant. This research recognized the 'Person with Disabilities' (OKU) denoted to the people with physical impairment. Though, they are part of the community that contends feelings, abilities, skills, talents, and intellects as a regular human. Hence, this paper raised concern on the role of the social community to facilitate OKU in multifarious aspects specifically in education. Apart from that, this concept paper also focuses on the roles of the community, education institution and the industry in giving support to the visually-impaired as well as understanding their needs. Hence, this paper has certainly been valued in providing comprehensive information in helping the continuity of education among OKU.

**Keywords:**

Support System, Community, Visually Impaired, Education

**Pengenalan**

Terdapat hikmah yang boleh didapati dengan adanya masyarakat yang terdiri daripada pelbagai jenis bangsa, kaum dan warna kulit yang dicipta oleh Allah s.w.t. Tambahan lagi, Allah s.w.t. telah menetapkan bahawa manusia akan diberi ujian dalam kehidupan dari pelbagai aspek seperti kewangan, kesihatan dan pekerjaan. Seterusnya, terdapat sebahagian manusia diuji dengan kecacatan seperti pendengaran, penglihatan dan anggota badan yang tidak sempurna sifat. Namun, setiap manusia berhak menerima hak dan kewajiban masing-masing yang perlu dilaksanakan seperti yang telah disyariatkan Islam termasuk golongan OKU (Azman Abd Rahman, 2018).

Tidak ada seorang pun manusia di dunia ini ingin dilahirkan cacat tetapi realitinya mereka tidak dapat menolak ketentuan takdir. Orang kurang upaya atau orang istimewa menggambarkan tentang kekurangan samada dari segi fizikal atau mental. Mereka juga merupakan sebahagian daripada ahli masyarakat walaupun mereka berada dalam keadaan serba kekurangan (Hazlin Falina, 2017). Selain itu, OKU juga boleh dikategorikan sebagai kumpulan 'rentan' iaitu diskriminasi dan penganiayaan oleh pihak-pihak tertentu. Walau bagaimanapun, persepsi negatif dan diskriminasi kumpulan ini banyak memfokuskan kepada golongan wanita dan kanak-kanak dari sudut undang-undang. Namun, isu ini agak kurang diambil perhatian dalam kalangan OKU (Ikmal Hisham Md. Tah, 2014).

OKU juga boleh didefinisikan sebagai suatu keadaan yang dianggap mengurangkan fungsi atau ketidakupayaan seseorang jika dibandingkan dengan golongan tipikal. Definisi ini biasanya digunakan bagi merujuk fungsi individu seperti kelemahan fizikal, deria, kognitif, intelektual atau kesihatan mental seseorang OKU. Model ketidakupayaan perubatan dan bukan model ketidakupayaan sosial atau hak asasi manusia merupakan perkara yang dititikberatkan dalam kalangan OKU.

Menurut akta Orang Kurang Upaya pada tahun 2008, orang kelainan upaya ditakrifkan sebagai mereka yang mempunyai kekurangan fizikal dan mental dalam jangka masa panjang, intelektual atau deria yang apabila berinteraksi dengan pelbagai halangan boleh menyekat penyertaan penuh dan berkesan mereka dalam masyarakat. Orang kelainan upaya boleh dianggap sebagai salah satu kumpulan minoriti yang paling lemah dalam statistik di Malaysia. Oleh yang demikian, kajian ini secara khususnya membincangkan mengenai peranan sistem sokongan komuniti, pendidikan dan industri terhadap OKU penglihatan di Malaysia.

### **Peranan dan Sokongan Komuniti Kepada OKU Penglihatan**

Antara perkara yang boleh diberikan khidmat kepada OKU penglihatan adalah penyediaan dan sukarelawan pembaca buku kepada OKU Penglihatan. Hal ini dapat membantu dalam meningkatkan kefahaman OKU Penglihatan agar tidak tercicir dalam perkembangan ilmu pengetahuan sama ada ilmu pengetahuan mahupun ilmu agama. Usaha ini wajar digalas oleh ahli komuniti yang mempunyai OKU penglihatan tidak kira jumlah yang ramai mahupun sedikit. Dengan ini, sokongan komuniti adalah perlu dalam membantu OKU penglihatan dalam sesebuah masyarakat. Selain itu, usaha penulisan buku ilmiah dalam Braille dapat membantu OKU penglihatan dalam mendalami ilmu pengetahuan seperti insan biasa. Berdasarkan kajian yang dijalankan Tengku Fatimah (2016) mendapati bahawa kurangnya khidmat sokongan daripada anak-anak kepada ibu bapa OKU Penglihatan dalam membantu membacakan buku-buku agama, menunaikan solat berjemaah dan membaca al-Quran bersama. Buku yang diterbitkan boleh dimanfaatkan dengan diterjemahkan kepada tulisan Braille agar komuniti OKU dalam merasai manfaat ilmu pengetahuan yang diperolehi. Contohnya, nota ringkasan kuliah di masjid boleh diterjemahkan ke Braille agar dimanfaatkan oleh pembaca OKU Penglihatan.

Kemudahan awam yang mesra OKU boleh disediakan secara berperingkat dalam memastikan kebajikan dan akses OKU penglihatan mengalami jurang berbanding masyarakat yang normal. Kemudahan seperti tempat letak kenderaan, tandas, ruang pejalan kaki yang mesra OKU Penglihatan mampu mewujudkan komuniti yang cakna OKU. Kesukaran OKU untuk menggunakan kemudahan aktiviti amatlah berkait rapat dengan kesedaran masyarakat sekeliling, kekurangan pendedahan berkaitan akses kepada kemudahan sukan dan kemudahan pengangkutan untuk hadir ke tempat kemudahan sukan tidak bersesuaian dengan keadaan fizikal OKU tersebut (Rodhy Edward Jalin & Manisah Ali, 2020). Dengan adanya kemudahan ini ia dapat membantu dalam menyediakan dan menambahbaik kebajikan, keselamatan dan kemudahan kepada OKU penglihatan. Selain itu, kemudahan yang disediakan mestilah dipelihara dan diselenggarakan agar sentiasa berada dalam keadaan baik.

Komuniti masyarakat boleh membantu dalam mempergiatkan dan mendorong OKU penglihatan untuk mengikuti peluang pendidikan sama ada di peringkat rendah, menengah dan institut pengajian tinggi awam. Hal ini dapat membantu dalam meneroka peluang pendidikan yang lebih tinggi kepada OKU penglihatan. Selain itu, peluang mengikuti latihan kemahiran kepada ahli OKU penglihatan dapat membantu dalam meningkatkan taraf kehidupan mereka. Inisiatif kepada ahli komuniti dalam membantu pencarian peluang pekerjaan amatlah diharapkan oleh OKU Penglihatan agar kehidupan mereka terjamin dan dapat menjalani kehidupan dengan lebih baik.

## Peranan Institusi Pendidikan Dan Industri

### *Pertubuhan Badan Bukan Kerajaan*

Di luar negara, penyediaan kemudahan akses kepada sumber rujukan kepada golongan OKU penglihatan ini telah bermula dengan inisiatif yang dilakukan oleh *International Federation of Library Association and Institutions* (IFLA) pada tahun 2009 yang berperanan dalam menafsirkan apa sahaja yang dipaparkan pada screen dan menyampaikan dalam bentuk ucapan teks, ikon bunyi dan peranti output Braille (Ahmad Yunus & Asmilyia, 2016).

MADA *Qatar Center for Asistive Center* adalah merupakan pertubuhan bukan kerajaan di negara Qatar yang berinisiatif dalam membantu meningkatkan keupayaan orang kurang upaya melalui penggunaan ICT. Inisiatif tersebut dimulakan dengan kajian berkaitan halangan akses OKU di Qatar telah dikenalpasti oleh Forum Penyelidikan *Assistive Technology* adalah kesan yang sangat tinggi terhadap halangan akses di Qatar. Oleh itu Mada Qatar telah mencipta *Arabic Screen Reader* dalam membantu OKU penglihatan dalam mengakses internet dan membaca al-Quran serta buku-buku yang ditulis dalam bahasa Arab. Menurut Ahmad Yunus & Asmilyia (2016), menyatakan bahawa *The American Foundation for the Blind* (AFB) dan *Mada Qatar Assistive Technology Center* menyediakan perisian NVDA yang dimuat turun daripada laman sesawang.

Kewujudan NVDA Arabic memberikan kemudahan dan memberikan satu peluang dalam mengubah kehidupan golongan OKU cacat penglihatan ini kerana perkhidmatan yang disediakan secara percuma yang mampu dalam menghasil bahan bertulis, aktiviti pembacaan, aktiviti sosial dan aktiviti dalam talian. Selain itu, golongan OKU ini tidak boleh diabaikan dalam peluang pekerjaan dan aktiviti pendidikan yang menjadi keperluan semua golongan manusia dalam meneruskan kehidupan seharian (Ahmad Yunus & Asmilyia, 2016).

NGO di Malaysia, Persatuan Orang-orang Cacat Penglihatan Islam Malaysia (PERTIS) merupakan persatuan tunggal yang diberikan kebenaran oleh Kementerian Dalam Negeri (KDN) untuk menerbitkan al-Quran Braille bagi kegunaan OKU penglihatan di Malaysia. PERTIS menerbitkan al-Quran Braille (Kod Braille Bahasa Arab Gred 1) yang turut disemak oleh KDN dan diiktiraf Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).

Akhir sekali, mushaf al-Quran Braille menggunakan asas kod braille Bahasa Arab yang mewakili huruf-huruf hijaiyah. Di dalamnya juga terkandung tanda baris seperti *fathah*, *kasrah*, *dhammah* dan simbol-simbol seperti sukun, shaddah dan sebagainya. Pencetakan al-Quran Braille telah diusahakan bermula seawal tahun 1990-an di mana teknologi komputer mesra OKU mula dihasilkan yang membolehkan kod Braille al-Quran dicipta.

### *Institusi Pendidikan Tinggi*

Pada tahun 2009, inisiatif dan peranan pasukan penyelidik Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM), Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dalam menghasilkan E-Braille yang berperanan dalam sebagai penyimpan dan alat yang digunakan untuk membaca al-Quran Braille dan kegunaan dalam proses pengajaran dan pembelajaran al-Quran kepada golongan OKU Masalah Penglihatan. Penyelidikan yang dibiayai dana oleh kementerian dan beberapa institusi agama Islam negeri telah berjaya menghasilkan panel E-Braille al-Quran. Pada awal tahun 2016, enam beberapa buah institusi pendidikan telah dipilih sebagai pusat pembelajaran al-Quran E-Braille ini iaitu SMPK Setapak, SKPK Alma Jaya, SKPK Princess Elizabeth Johor Bahru, SKPK Tuaran Sabah serta PERTIS Wilayah Persekutuan dan PERTIS Cawangan Terengganu.

### ***Institusi Latihan Guru***

Menurut Rodaina Khader Altarawneh & Rabah Majali (2021) yang menjalankan kajian berkaitan keberkesanan Program Latihan Braille dalam kalangan guru-guru di Jordan mendapati terdapat keberkesanan program yang dijalankan dan mampu meningkatkan pengetahuan para guru yang mengikuti kursus tersebut. Walaupun tidak mempunyai perubahan yang ketara, para guru yang mengikuti latihan Braille yang telah mempunyai pengetahuan asas tentang membaca dan menulis dalam Braille. Hal ini menunjukkan bahawa latihan kepada para guru dapat memberikan peningkatan positif dan berkesan. Namun begitu, kemahiran membaca dan menulis Braille dalam kalangan guru-guru di Jordan masih berada pada tahap yang rendah. Cadangan penambahbaikan boleh dilaksanakan seperti latihan berterusan dapat melahirkan guru yang mahir dalam Braille.

Sokongan di peringkat makro juga dapat dilihat melalui program yang ditawarkan oleh Darul Quran di bawah kelolaan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Sijil Asas Tahfiz Al Quran memberi peluang kepada komuniti Orang Kurang Upaya Penglihatan dan beberapa kategori lain untuk mendalami ilmu Al-Quran melalui saluran pendidikan formal. Pelajar yang berjaya menyelesaikan program selama dua semester ini, akan ditawarkan pengajian ke peringkat tinggi melalui program usahama JAKIM dan beberapa institusi IPTA di Malaysia. Perkembangan program bagi OKU penglihatan di peringkat kementerian dilihat sebagai senario yang positif, iaitu suara diperingkat berkepentingan (*stakeholder*) tentang kewujudan komuniti ini. Ini secara tidak langsung, menjadi pencetus kepada penambahbaikan dasar yang akan berlaku kelak. (Laman Sesawang Darul Quran Jakim, 2022)

Selain itu, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) juga mengambil inisiatif menawarkan subjek Aplikasi Braille dalam Pengajian Quran dan Sunnah yang dijadikan subjek wajib bagi Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah (FPQS). Para pelajar diperkenalkan dengan perkara asas braille seperti sejarah braille, cara mengendali kertas dan mesin braille serta lain-lain perkara asas. Mereka kemudiannya diperkenalkan dengan asas huruf braille dalam Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris dan tulisan Jawi. Kesungguhan para pelajar USIM diterjemahkan melalui projek ilmiah mereka di mana mereka berjaya membuat transkripsi Buku Sukatan Pelajar Sekolah Rendah Iqra' Jilid 1 hingga 6 ke dalam tulisan braille (Ahmad Yunus Mohd Noor, 2016).

### ***Keperluan OKU Penglihatan***

Perkara penting yang boleh membantu OKU Penglihatan adalah seperti kemudahan LIF yang mempunyai butang Braille yang berfungsi dapat memandu OKU untuk pergi ke destinasi atau tempat yang dituju. Selain itu, kedudukan Butang Braille yang berada pada kedudukan yang rendah agar dapat dicapai dan ditekan oleh OKU Penglihatan (<https://umlib.um.edu.my/ms/pengguna-kelainan-upaya/>). Selain itu, kekurangan laluan bertanda untuk OKU Penglihatan, tiada kemudahan *railing* bagi kegunaan tangga, ketiadaan kemudahan lif menyebabkan akses ke kemudahan awam tidak dapat digunakan dengan sebaiknya (Hasnah Toran, 2017).

Selain itu, kemudahan seperti tandas OKU hendaklah disediakan walaupun satu sahaja agar dapat digunakan oleh OKU Penglihatan. Tandas yang sesuai dengan OKU diperlukan agar tidak berlaku kemalangan semasa menggunakan kemudahan tandas OKU tersebut. Walaupun OKU penglihatan tidak memandu kenderaan, namun kemudahan parkir khusus yang membantu OKU penglihatan dapat mengiringnya ke sesuatu tempat. kebiasaannya, ditempatkan di lokasi yang paling dekat dengan premis atau tempat tujuan. Hal ini selari

dengan kajian yang dijalankan Abdul Munir et. al. (2015) menyatakan bahawa kemudahan OKU di masjid banyak disediakan di kawasan pinggir bandar berbanding di kawasan luar bandar.

OKU penglihatan amatlah bergantung kepada akses kenderaan awam untuk pergi ke sesuatu tempat. Oleh itu, kemudahan dan sokongan yang dapat disediakan oleh komuniti sedikit sebanyak membantu dalam memudahkan pengurusan mobiliti OKU penglihatan. Inisiatif ini memudahkan *Braille Paver* untuk kemudahan laluan ditempat awam. Selain itu, kemudahan lampu isyarat yang berbunyi dan butang mempunyai tulisan braille. Pemandu *e-hailing* yang mesra OKU Penglihatan: kedudukan hantar yang sesuai, cara berkomunikasi dengan OKU Penglihatan dan khidmat pemandu yang berbayar. Sokongan kepada individu OKU perlu menjadi keutamaan kepada ahli masyarakat yang mempunyai kekuatan dan keazaman yang tinggi dalam menyantuni OKU dikurniakan Allah s.w.t ganjaran yang tinggi (Norsaadah Din @ Mohd Nasiruddin et. al. 2019).

Pengurusan kediaman atau taman perumahan boleh menyediakan kemudahan pusat sumber atau perpustakaan yang mempunyai kemudahan komputer yang mesra OKU Penglihatan seperti memiliki perisian JAWS yang berperanan dalam menyampaikan bacaan terhadap perkataan dan ayat yang dikehendaki. Selain itu, kemudahan percetakan braille embosser dapat membantu dalam menjadi rujukan kepada pembaca yang terdiri daripada OKU Penglihatan. Khidmat pembaca buku dapat membantu OKU Penglihatan untuk memperoleh ilmu pengetahuan melalui pembacaan secara sukarelawan mampu memberikan khidmat tersebut (Hasnah Toran et, al. 2018).

Komuniti yang memounyai kesedaran tentang kemudahan yang disediakan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) berkaitan OKU Penglihatan amatlah diharapkan dalam membantu mendapatkan kemudahan tongkat putih (*white cane*) dan mesin braille bagi OKU Penglihatan (<https://www.jkm.gov.my/jkm>). Kefahaman dan kesedaran ahli masyarakat amatlah penting dalam memahami keadaan dan keperluan OKU melalui sumber media sama ada media bercetak mahupun media atas talian agar dapat membantu dalam memenuhi keperluan OKU itu sendiri (Noordeyana Tambi & Nur Aqilah Natasha Hazan, 2017).

## Penutup

Secara kesimpulannya, hak komuniti OKU perlu diberi perhatian seperti manusia sempurna yang lain. Hal ini kerana mereka memerlukan kemudahan yang sama seperti manusia sempurna ada bagi kelangsungan hidup mereka. Oleh itu, sikap positif terhadap OKU membawa masyarakat untuk menerima golongan OKU secara baik. Penglibatan masyarakat dengan golongan OKU dalam sesebuah aktiviti dapat mengeratkan hubungan dan melahirkan sikap keprihatinan terhadap golongan ini. Oleh yang demikian, adalah diharapkan agar kajian ini dapat membantu dalam menyediakan perkhidmatan yang baik kepada komuniti OKU. Hal ini bersesuaian dengan pandangan yang menyatakan bahawa semakin banyak maklumat yang diperolehi oleh masyarakat terhadap OKU maka akan semakin positif sikap mereka terhadap OKU (Katz, Haz & Bailey, 1988).

Disamping itu juga, penerimaan masyarakat secara amnya dapat membantu menambah keyakinan mereka untuk bersama-sama bersaing dalam dunia globalisasi kini. Hal ini bagi memastikan bakat dan keupayaan golongan OKU ini tidak disia-siakan hanya kerana mereka tidak bernasib baik. Golongan OKU juga perlu yakin bahawa mereka mampu untuk bersama-sama masyarakat yang

lain dalam pelbagai bidang yang ingin diceburi tanpa perlu memandang rendah akan kekurangan yang ada pada diri mereka.

### Penghargaan

Penghargaan kepada pihak Kementerian Pengajian Tinggi kerana telah membiayai Geran di bawah Konsortium Kecemerlangan Penyelidikan bertajuk “Emansipasi Pengajaran dan Pembelajaran al-Quran Bagi OKU Masalah Penglihatan” Kod Penyelidikan (USIM – KUIS – UKM) USIM/KKP-102/ISI/FPQS/LUAR-K/44120

### Rujukan

- Azman Ab Rahman, 2018, Kedudukan Orang Kelainan Upaya (OKU) Sebagai Asnaf al-Riqab di Malaysia, Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa, Vol. 12| ISSN: 2232-1047 | eISSN: 0127-8886, [www.jfatwa.usim.edu.my](http://www.jfatwa.usim.edu.my).
- Ahmad Yunus, M. N., & Asmilyia, M. M. (2016). Aplikasi Nvda Arabic Dan Kepentingannya Kepada OKU Cacat Penglihatan Dalam Pembelajaran Al-Quran Dan Hadith. 1st INHAD Internatioanal Muzakarah & Mu'tamar on Hadith (IMAM), May, 1–12.
- Ahmad Yunus Mohd Noor. 2016. Cabaran dalam pengajaran dan pembelajaran Al- Qur'an Braille di Kompleks Malaysian Association for the blind (MAB). *Islamiyyat : Jurnal Antarabangsa Pengajian Islam; International Journal of Islamic Studies*, 38(1), 15–24.
- Hamid, A., & Khan, A. M. (2020). A Study On Learning Method For Holy Quran In Reading Braille. *Research Journal of Education AWKUM Volume, III(June)*, 1–10.
- Hasnah Toran, Mohammad Hanafi Mohd Yasin, Mohd Mokhtar Tahar, Norasuzaini Sujak. 2017. Sokongan dan Halangan yang dihadapi di sebuah Institut Pengajian Tinggi di Malaysia. *Asean Journal of Teaching and Learning in Higher Education (AJTLHE)*. Vol 1., No 2, 18-29. ISSN:1985-5826
- Hazlin Falina Rosli. 2015. Kesedaran Golongan Majikan Terhadap Orang Kurang Upaya (OKU) Di Malaysia: Melalui Perspektif Media, *Proceeding of the 2nd International Conference on Management and Muamalah 2015 (2nd ICoMM)* e-ISBN: 978-967-0850-25-2.
- Ikmal Hisham Md Tah. 2014. Orang Kurang Upaya (Oku) Dan Hak Untuk Hidup: Satu Analisis Perundangan Di Malaysia, “Harmonising Law and Social Norms” *International Conference on Law, Policy and Social Justice (ICLAPS 2014)*, <https://www.researchgate.net/publication/276279362>
- Jabatan Kebajikan Masyarakat. Senarai Kemudahan dan Keistimewaan Bagi Orang Kurang Upaya. SENARAI KEMUDAHAN DAN KEISTIMEWAAN BAGI ORANG KURANG UPAYA di atas talian <https://www.jkm.gov.my/jkm>.
- Katz, I., Hass, R.G. & Bailey, J. 1988 Attitudinal ambivalence and behavior towards people with disabilities. Dlm. H.E. Yunker, (pnyt.), *Attitudes Toward Persons With Disabilities* 47-57 New Year : Springer Publishing Company
- Manisah Mohd Ali, & Noorfaziha Hassan. (2014). Perspektif Guru terhadap Keterlibatan Akademik dalam Kalangan Murid dengan Ketidakupayaan Penglihatan. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 39(2), 109–114.
- Norsaadah Din, 2019, Hubungan Sosial Masyarakat Terhadap Orang Kurang Upaya Di Malaysia, *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah Vol 6 Bil 1 E-Issn: 2289-8042*.
- Norsaadah Din @ Mohd Nasiruddin, Hasliza Talib, Siti Zaleha Ismail. 2019. Kolaborasi Interaksi Masyarakat Terhadap Golongan OKU di Institusi Masjid. *Jurnal e Bangi*. Volume 16. Nombor 2. ISSN: 1823-884x.

- Norakyairee Mohd Raus, Mohd Nur Adzam Rasdi, Norazman Alias, Norhasnira Ibrahim, Norullisza Khosim, N. J. (2013). Pengajaran al-Quran Braille: Isu dan Cabaran Semasa. *International Journal on Quranic Research (IJQR)*, 3(4), 79–94.
- Noordeyana Tambi & Nur Aqilah Natasha Hazan. 2017. Hubungan Antara Sikap dan Pengetahuan Mahasiswa Universiti Kebangsaan Malaysia Terhadap Golongan Orang Kurang Upaya. Edisi Khas. 3: 021. e-ISSN: 1823-884x.
- Perpustakaan Universiti Malaya. Pengguna Kelainan Upaya di atas talian <https://umlib.um.edu.my/ms/pengguna-kelainan-upaya/>.
- Abdul Munir Ismail, Mazdi Marzuki, Md Noor Daud, Abdul Hadi Borham. (2015). Penyediaan Kemudahan OKU di Masjid-Masjid: Kajian Kes di Daerah Batang Padang. *Jurnal al-Hikmah*. Jilid 7 Edisi 1. ISSN: 1985-6822.
- Rodhy Edwin Jalin & Manisah Ali. 2020. Penerokaan Kualitatif Terhadap Halangan Penglibatan Orang Kurang Upaya Dalam Sukan. *Jurnal Dunia Pendidikan*. Volume 2 (No. 2). 65-75. e-ISSN: 2682-826x.
- Tengku Fatimah Muliana Tengku Muda. 2016. Pelaksanaan Perkhidmatan Anak Terhadap Ibu Bapa OKU Penglihatan: Kajian di Marang Terengganu. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporasi Islam*. Bil 13. ISSN: 2289-6325.
- Wan Amizah Wan Mahmud, 2017, Realiti Penerimaan Masyarakat Terhadap Orang Kelainan Upaya (OKU) di Malaysia Dari Perspektif Media, *Proceedings - The International Conference On Media And Communication 2017*, Marriot Putrajaya, Malaysia. e-ISBN 978-983-2795-39-1